

---

Mus Chairil Samani  
Samsudin A Rahim

## **Stereotaip Remaja Dalam Akhbar Mingguan**

Media memilih apa yang ingin dilaporkan dan ditonjolkan. Dalam pemilihan ini, apa yang dikhuatiri seperti kata Whitney dan Becker (1982) ialah darjah keseragaman laporan berita itu. Keseragaman ini berpunca akibat tindakan organisasi mengawal aliran berita menerusi melazimkan cara pemberitaan (lihat Tuchman, 1973). Mus Chairil (1992) mendapati bahawa kelaziman (*routinizing*) liputan berita ini selalu berlaku menerusi jenis sumber yang digunakan. Keadaan ini menghampiri sempadan stereotaip. Stereotaip bermaksud melihat sesuatu fenomena itu berdasarkan ciri-ciri sepunya objek dalam kelasnya tersendiri dengan mengenyahkan perbezaan individu (lihat Gouran, Wiethoff dan Doelger, 1994 dan Seiler, 1996).

Stereotaip dalam pemberitaan terhadap kaum wanita banyak dilakukan di Barat (lihat Miller, 1975, Blackwood, 1983). Namun dapatan di Barat tentang stereotaip terhadap kaum wanita ini didapati bercanggah dengan dapatan pengkaji tempatan (Mohd Dhari, 1995). Kajian tentang portrayal golongan remaja dapat dilihat dalam Mus Chairil dan Samsudin (1994 dan 1995). Makalah ini meneliti stereotaip portrayal remaja dalam dua akhbar mingguan di Malaysia. Akhbar mingguan yang dilaporkan ialah *Bacaria* dan *Warta Perdana*.

Sasaran pembaca kedua-dua akhbar mingguan ini ialah golongan remaja. Golongan ini penting kepada kedua-dua akhbar mingguan ini sebab mereka merupakan sasaran utamanya. Sehubungan dengan ini, Levy dan Windahl (1984, 1985) mengemukakan dua dimensi pemilihan media oleh khalayak. Dimensi pertama ialah pemilihan: ia merupakan

komponen kualitatif yang menjelaskan mengapa khalayak tertentu memilih media dan kandungannya. Dimensi kedua ialah penglibatan: seperti pemilihan, ia juga merupakan komponen kualitatif yang menjelaskan tahap seseorang itu mengaitkan dirinya dengan kandungan media. Dengan kata lain, pembaca sebelum, semasa, dan selepas memilih sesuatu media dan kandungan akan sentiasa memikirkan kepentingan bahan itu kepada dirinya secara langsung. Sebagai contoh, remaja sudah tentu akan membaca bahan tentang remaja sebab tahap penglibatan yang tinggi.

### **Objektif**

Berdasarkan keadaan ini, maka makalah ini melihat bentuk maklumat yang disiarkan dalam akhbar mingguan tempatan tentang golongan remaja ini. Maklumat yang dicari adalah seperti berikut:

- Apakah tema tentang golongan remaja yang sering disiarkan oleh akhbar mingguan?
- Apakah imej golongan remaja yang sering disiarkan oleh akhbar mingguan?
- Apakah jenis tulisan tentang remaja yang banyak disiarkan oleh akhbar mingguan?
- Apakah orientasi tulisan tentang remaja yang disiarkan oleh akhbar mingguan?
- Apakah jenis pekerjaan golongan remaja yang disiarkan oleh akhbar mingguan?

Golongan remaja dalam makalah ini ditakrifkan sebagai mereka yang dalam lingkungan umur 12-25 tahun, sama ada lelaki atau perempuan. Pengeskapan golongan ini mengikut peringkat umur tersebut dibuat berdasarkan pentakrifan yang dibuat oleh Samsudin A. Rahim (1994). Untuk memecah permasalahan itu tadi, kaedah analisis isi kandungan digunakan untuk mencerakinkan kandungan kedua-dua akhbar mingguan tempatan itu.

Analisis terhadap kandungan media massa tempatan ini dihadkan kepada semua bentuk tulisan tentang remaja sahaja. Untuk maksud analisis, bahan-bahan yang diterbitkan sepanjang tahun 1993 dalam penerbitan-penerbitan terpilih telah dikodkan berdasarkan kategori-kategori yang digubal dengan bantuan dua pengekod.

## **Penelitian Susastera**

Remaja merupakan salah satu golongan yang dilaporkan dalam akhbar tempatan. Liputan kepada golongan ini tidak dapat dielakkan memandangkan golongan ini menjadi bakal pembaca kepada sesuatu media itu pada masa depan. Oleh sebab itu, media akan memupuk pembacaan golongan dari awal lagi agar mereka akan menjadi pelanggan tetap pada masa depan. Dalam keadaan ini, media mencuba memenuhi keperluan golongan ini dengan menyajikan bahan-bahan yang digemari. Memandangkan pembaca sesuatu akhbar itu terdiri daripada pelbagai lapisan, maka keperluan pelbagai lapisan disajikan mengikut keperluan mereka. Lihat Westley dan Barrow (1959) dan McCombs (1967).

Walaupun media menyajikan laporan atau tulisan berdasarkan keperluan golongan-golongan tertentu tetapi ketika melaporkan pelbagai segmen masyarakat, ada kalanya media dituduh menggunakan bias dalam penulisan untuk memimpin pemikiran pembaca. (Merrill, 1965: 569). Tuduhan ini diperkukuhkan lagi apabila Flesch (1963: 68-69) menegaskan bahawa petugas media melalui penggunaan kata-kata tertentu boleh menimbulkan kesilapan tafsiran atau penekanan yang tidak sepatutnya berlaku. Dengan kata lain, perkara kecil mungkin digembar-gambarkan sehingga "meletup" menjadi satu perkara besar.

Perkara ini tidak dapat dielakkan oleh petugas media, sebab seperti kata Schramm (1949: 259), "berita itu bukannya kejadian. Ia hanya merupakan sesuatu yang dipersepsikan selepas sesuatu kejadian itu berlaku. Ia tidak bersamaan dengan kejadian itu. Ia lebih merupakan suatu usaha untuk membina semula rangka rujuk terpenting tentang sesuatu kejadian itu." Semua ini dilakukan supaya apa yang dilaporkan oleh media dapat difahami oleh pembaca.

Namun begitu, berdasarkan halangan yang wujud media harus berusaha untuk memastikan laporan ini bersifat adil dan objektif, agar apa yang dilaporkan ialah perkara yang sebenarnya dan bukannya dipengaruhi oleh bias penulis atau organisasi media itu. Ini disebabkan seperti kata Blackwood (1983: 710) bahawa media sepatutnya memerihalkan isu dan kejadian dalam kehidupan, dan kandungan media harus mencerminkan apa yang berlaku dalam masyarakat. Apakah kandungan akhbar mencerminkan keadaan yang berlaku di kalangan remaja yang cuba disorot dalam makalah ini.

Dalam melaporkan apa yang berlaku media memilih perkara yang hendak ditonjolkan atau ditekankan. Pemilihan dari segi apa yang hendak ditonjolkan dan dipaparkan ini bererti mereka bolehlah dikatakan sebagai berkuasa memilih agenda yang dibincangkan oleh masyarakat. Shaw dan McCombs (1977: 5) menegaskan walaupun media, dalam konteks makalah ini akhbar, tidak dapat mempengaruhi apa yang difikirkan oleh seseorang itu tetapi ia mampu menonjolkan bahan-bahan yang difikirkannya sebagai penting kepada pembaca. Bahan-bahan ini yang menjadi topik perbualan di kalangan pembacanya. Kedua-dua tokoh komunikasi Barat ini menambah lagi bahawa media bukan sahaja mampu mengangkat sesuatu isu itu sehingga timbul kesedaran di kalangan orang ramai tetapi yang lebih penting ia mampu meletakkan darjah kepentingan bagi sesuatu isu itu.

Dalam melaporkan sesuatu kejadian itu, Shaw dan Clemmer (1977: 34) berkata "bahawa berita yang dibaca dan didengar itu merupakan hasil pelbagai keputusan. Walaupun Tuhan mungkin membenarkan pelbagai kejadian itu berlaku, tetapi pemberita tidak semestinya menulis tentang semua kejadian itu. Begitu jugalah halnya dengan editor berita, penulis pojok, editor, atau penerbit. Pemberita bersifat pemilih ... (dan pemilihan ini) berdasarkan norma-norma berita yang dikongsi bersama dengan orang lain (dalam organisasi media) dalam proses pemberitaan itu. Sesuatu kejadian itu melalui pelbagai lapisan sebelum berita itu dilaporkan."

Norma berita yang dikongsi dengan anggota lain dalam organisasi ialah nilai-nilai berita yang menekankan aspek kesemasaan, kedekatan, keakibatan, konflik, tokoh dan minat insani. Nilai ini Mus Chairil (1995) sebutkan sebagai nilai 4KTM. Nilai ini memungkinkan pemberitaan yang bersifat objektif dalam laporannya. Namun begitu, nilai ini bererti ada perkara yang dengan sengaja ditolak dan ada perkara yang dengan sengaja ditonjolkan. Keadaan ini disebabkan apa yang dianggap nilai berita berbeza dari individu, akhbar, dan kedudukan geografi.

Semasa melalui pelbagai lapisan ini, Yagade dan Dozeir (1990) menambah bahawa sesuatu isu itu dibentuk dan isu itu diberikan makna oleh media. Inilah kuasa sebenar media iaitu meletakkan syarat-syarat bagaimana sesuatu isu itu ditakrifkan. Syarat-syarat ini yang menentukan apa yang dilaporkan dan bagaimana isu tentang remaja dilaporkan

dalam akhbar, mahupun dalam media cetak dan elektronik lain. Apabila ini berlaku, kejadian itu bukan lagi kejadian sebenar tetapi berupa binaan semula pemberita (Schramm, 1949).

Oleh sebab media massa di Malaysia boleh dikatakan sebagai mengamalkan pendekatan kewartawanan pembangunan, ada kemungkinan dalam melaporkan bahan tentang belia, media masih lagi terikat kepada sumber-sumber rasmi seperti kata McDaniel (1986: 167). Apabila ini berlaku, kata McDaniel lagi, penekanannya bukannya kepada isu-isu yang penting kepada masyarakat tetapi kepada personaliti-personaliti tertentu. Dengan kata lain, ada kemungkinan laporan tentang golongan ini difokuskan kepada golongan tertentu. Perkara ini seterusnya menyebabkan laporan tentang golongan ini dalam media massa di negara ini bersifat "favourable".

Dalam konteks ini, ada kemungkinan bahawa media massa itu mengamalkan pendekatan stereotaip sesuatu kelompok masyarakat itu. Miller dan Drew (1977) mendakwa bahawa kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa stereotaip kelompok tertentu dalam masyarakat kerap dilakukan oleh media massa. Mungkinkah belia di negara ini turut menjadi mangsa stereotaip oleh media? Perkara ini mungkin tidak dapat dielakkan sebab seperti kata Whitney dan Becker (1982) bahawa media akhbar menghadapi pelbagai halangan yang bersifat konkrit dan relatif seperti masa, ruang berita, wang, sumber-sumber yang standard, dasar organisasi, dan norma-norma profesion.

Semua ini mungkin menimbulkan keadaan apabila sesuatu isu itu tidak akan dikupas dengan terperinci dan apa yang dilaporkan itu hanya menyentuh perkara-perkara di permukaan sahaja. Media tidak bertindak meninjau isu itu lebih mendalam akibat kangkangan yang wujud ini. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika kelompok remaja distereotaip dengan laporan-laporan yang bersifat biasa dan tidak mencabar pemikiran pembaca.

Perkara ini berlaku sebab seperti kata Whitney dan Becker (1982) bahawa keputusan membuat liputan sesuatu isu itu tidak terletak sepenuhnya kepada pemberita. Keputusan sebenarnya terletak di tangan segelintir editor yang bertugas di peringkat wilayah atau nasional. Dengan itu, dapatan kajian tentang liputan media tidak dapat tidak menunjukkan bahawa

penekanan, penonjolan, dan pemaparan isu-isu bersifat terhad. Sebagai individu, mereka ini "dikongkong" oleh keadaan, tugas, tanggungjawab, dan norma profesion mereka. Tindakan mereka juga dikaitkan dengan apa yang dikumpul dan ditulis oleh pemberita. Mereka ini pula terkongkong dengan pendekatan pengumpulan berita yang digunakan.

### **Kaedah kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah analisis isi kandungan untuk mengumpul, dan mengkategorikan pelbagai data dalam media massa yang dipilih. Kaedah ini paling sesuai digunakan untuk melihat kandungan sesuatu penerbitan sebab ia mampu menghasilkan dapatan yang bersifat sistematik, objektif, dan kuantitatif (Berelson, 1952).

*Populasi.* Dalam kajian ini, populasi ialah semua tulisan dalam setiap terbitan terpilih yang disiarkan sepanjang tahun 1993. Memandangkan penggolongan ini yang masih luas, populasi ini dikhususkan kepada semua tulisan tentang remaja yang berumur antara 12-25 tahun tidak kira lelaki atau perempuan mahupun dari segi rasnya. Dengan kata lain, penerimaan atau penolakan sesuatu bahan itu daripada kajian ini bergantung kepada sumber yang digunakan oleh penulis dalam tulisannya itu. Sebagai contoh, bahan menyentuh isu belia tetapi bersumberkan orang dewasa tidak akan dikodkan.

*Pemilihan sampel.* Akhbar mingguan yang dikaji ialah *Bacaria* dan *Warta Perdana*. Untuk setiap akhbar mingguan ini, sebanyak 12 keluaran sepanjang 1993 telah dicabut secara rambang berstrata. Dengan kata lain, setiap bulan diwakili oleh satu keluaran akhbar mingguan itu. Langkah ini sejajar dengan kata Stempel (1989) untuk memastikan setiap bulan itu diwakili dalam sampel yang dipilih. Penolakan mana-mana bulan akan mengakibatkan dapatan kajian itu tidak dapat dirangkumkan sebagai mewakili keseluruhan populasi.

*Unit Analisis.* Unit analisis dalam kajian ini ialah sebarang tulisan, kecuali lakaran, kartun, atau iklan yang tersiar dalam akhbar harian yang telah dipilih untuk kajian ini. Semua tulisan itu dalam kajian ini ialah berita, rencana, lidah pengarang termasuk kolumnis, dan surat pembaca yang bersumberkan remaja yang berumur 12-25 tahun.

*Takrifan Kendalian.* Kaedah analisis isi kandungan memerlukan pengkaji memberikan takrifan kendalian bagi setiap kategori yang dikodkan. Pentakrifan pelbagai kategori ini amat penting untuk memastikan kajian ini dilaksanakan secara sistematik dan objektif seperti yang ditekankan oleh Berelson (1952) bagi mengelakkan sebarang bias pengkaji mempengaruhi dapatan kajian. Takrifan sepenuhnya pelbagai kategori dalam kajian ini terdapat dalam Mus Chairil Samani dan Samsudin A. Rahim (1994).

*Kebolehpercayaan Antara Pengekod.* Kajian tentang remaja ini dilakukan dengan bantuan dua orang pembantu penyelidik. Penggunaan pembantu penyelidik memerlukan mereka dilatih terlebih dahulu dan penerangan diberikan terhadap maksud dan takrif helaian mengekod dan buku mengekod yang mengandungi takrifan setiap kategori yang disebut tadi. Selepas latihan diberikan, penyelidik telah menguji helaian mengekod itu dengan mengemukakan 10 sampel tulisan untuk dikodkan bersama-sama penyelidik dan dua pembantu penyelidik. Hasil mengekod itu diuji dengan menggunakan formula kebolehpercayaan antara pengekod Holsti (1969: 137).

Pengujian berdasarkan formula ini penting untuk memastikan dapatan kajian ini bersifat objektif dan sistematik. Kadar kebolehpercayaan yang diperolehi ialah 90 peratus. Menurut Lasswell et al. (1952: 128) skor kebolehpercayaan antara pengekod yang melebihi 70 peratus antara dua atau lebih pengekod sudah memadai. Dalam hal ini, Stempel (1989: 133) berkata bahawa peratusan persetujuan diterima sebagai kaedah untuk menetapkan kebolehpercayaan alat pengkodan.

### **Analisis data**

Untuk akhbar mingguan pula, *Bacaria* paling banyak menyiarkan bahan tentang remaja iaitu sebanyak 67 bahan (56.4 peratus) berbanding cuma 52 bahan oleh *Warta Perdana* (43.6 peratus). Lihat Jadual 1. Namun begitu, ujian perbezaan perkadaran (*difference of proportion*) tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kekerapan kedua-dua akhbar mingguan ini menyiarkan bahan tentang remaja. Darjah keertian yang digunakan untuk menguji data ini ialah 0.05 dengan nilai kritikal  $z = \pm 1.96$ . Dengan kata lain, perbezaan antara kekerapan yang diperhatikan dalam rajah ini hanya kebetulan sahaja.

JADUAL 1  
Bahan remaja  
yang disiarkan  
oleh akhbar  
mingguan  
yang dikaji

Akhbar	Kekerapan	Peratusan
Bacaria	67	56.4
Warta Perdana	52	43.6
Jumlah	119	100

$$z = 1.376$$

Analisis statistik inferensi turut dilakukan untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini. Ujian dilakukan terhadap kedua-dua penerbitan ini dengan menggunakan pemboleh-pemboleh ubah tema, imej, jenis tulisan, orientasi tulisan, dan pekerjaan remaja.

*Apakah tema tentang golongan remaja yang sering disiarkan oleh akhbar mingguan?* Analisis statistik yang digunakan untuk melihat perkaitan antara pemboleh ubah tema dengan akhbar mingguan ialah khi-kuasa dua. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa nilai khi-kuasa dua kiraan lebih besar daripada nilai kritikal khi-kuasa dua. Lihat Jadual 2. Dapatan ini menunjukkan wujudnya perbezaan dari segi laporan tentang remaja yang disiarkan dalam kedua-dua akhbar tersebut. Penekanan ini menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar mingguan mempunyai dasar laporan yang berbeza tentang golongan remaja. Setelah diteliti pada sel-sel dalam jadual tersebut, pengkaji mendapati bahawa Bacaria dan Warta Perdana banyak sekali menyentuh tema hiburan. Bacaria turut menekankan tema gejala sosial dan sukan sementara Warta Perdana mementingkan tema gejala sosial dan aktiviti sosial yang dilibati oleh golongan remaja.

*Apakah imej golongan remaja yang sering disiarkan oleh akhbar mingguan?* Analisis statistik khi-kuasa dua telah digunakan untuk melihat perkaitan antara pemboleh ubah imej golongan remaja dengan akhbar mingguan. Analisis statistik yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak wujud perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Namun begitu, penelitian sel-sel dalam tabulasi silang menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar mingguan menekankan imej positif dan neutral di kalangan remaja yang dipaparkan dalam



liputannya. Ini tidak pula bererti tidak wujud liputan yang berimej negatif.

Bilangan % Deret % Lajur	Bacaria	Warta Perdana	Jumlah Lajur
Hiburan	32 59.3 47.8	22 40.7 42.3	54 45.0
Gejala sosial	12 52.2 17.9	11 47.8 21.2	23 19.3
Aktiviti sosial	3 40.0 4.5	12 80.0 21.2	15 12.6
Sukan	11 78.6 16.4	3 21.4 5.8	14 11.8
Pendidikan	4 80.0 6.0	1 20.0 1.9	5 4.2
Jenayah	2 40.0 3.0	3 60.0 5.8	5 4.2
Kesihatan	3 100.0 4.5	0 0.0 0.0	3 2.5
Jumlah Deret	67 56.3	52 43.7	119 100

JADUAL 2  
Tabulasi silang  
tema tentang  
golongan  
remaja dengan  
akhbar  
mingguan

$X^2 = 15.2^{**}$ , dk = 6

JADUAL 3  
 Tabulasi silang  
 imej golongan  
 remaja dengan  
 akhbar  
 mingguan

Bilangan/ %Deret %Lajur	Bacaria	Warta Perdana	Jumlah Lajur
Neutral	39 54.2 58.2	33 45.8 63.5	72 60.5
Positif	15 62.5 22.4	9 33.5 17.3	24 20.2
Negatif	13 56.5 19.4	10 43.5 19.2	23 19.3
Jumlah Deret	67 56.3	52 43.7	119 100.0

$$X^2 = 0.5, dk = 2$$

*Apakah jenis tulisan tentang remaja yang sering disiarkan oleh akhbar mingguan?* Analisis statistik khi-kuasa dua telah digunakan untuk melihat perkaitan antara pemboleh ubah tulisan dengan akhbar mingguan yang dikaji. Analisis statistik yang dijalankan menunjukkan hubungan itu signifikan pada aras pengertiaan 0.05. Ini menunjukkan wujudnya perkaitan antara jenis tulisan yang disiarkan oleh kedua-dua akhbar. Melalui pengamatan jadual, pengkaji mendapati bahawa 67 tulisan daripada 119 tulisan yang dianalisis berupa tulisan berita. Lihat jadual 4. Daripada 67 tulisan berupa berita itu, Bacaria menyiarkan 35 item sementara Warta Perdana 32 item. Bacaria juga didapati menyiarkan banyak rencana berbanding dengan Warta Perdana iaitu 27 item berbanding dengan 9 item.

*Apakah orientasi tulisan tentang remaja yang sering disiarkan oleh akhbar mingguan?* Untuk menganalisis persoalan kajian ini, pemboleh ubah orientasi penulisan dengan akhbar mingguan telah digunakan. Analisis statistik khi-kuasa dua telah digunakan. Analisis statistik yang dijalankan menunjukkan bahawa ia tidak signifikan. Dengan

kata lain, tidak ada kaitan antara orientasi tulisan tentang remaja yang disiarkan dalam kedua-dua akhbar mingguan—Bacaria dan Warta Perdana. Namun begitu, analisis statistik yang dijalankan menunjukkan bahawa orientasi tulisan yang banyak disiarkan dalam kedua-dua akhbar mingguan ini ialah menghibur dan memberitahu. Lihat jadual 5. Kedua-dua orientasi ini sejajar dengan dasar penerbitan kedua-dua akhbar mingguan ini yang mementingkan unsur hiburan dan maklumat ringan untuk tatapan para pembacanya.

Bilangan %Deret %Lajur	Bacaria	Warta Perdana	Jumlah Lajur
Berita	35 52.2 52.2	32 47.8 61.5	67 56.3
Rencana	27 75.0 40.3	9 25.0 17.3	36 30.3
Lidah Pengarang	0 0.0 0.0	3 100.0 5.8	3 2.5
Kolumnis	0 0.0 0.0	1 100.0 1.9	1 0.8
Jumlah Deret	67 56.3	52 43.7	119 100.0

JADUAL 4  
Tabulasi  
silang jenis  
tulisan  
tentang  
golongan  
remaja dengan  
akhbar  
mingguan

$$X^2 = 11.76^{**}, dk = 4$$

JADUAL 5  
 Tabulasi silang orientasi tulisan tentang remaja dengan akhbar mingguan

Bilangan %Deret %Lajur	Bacaria	Warta Perdana	Jumlah Lajur
Menghibur	32 59.3 47.8	22 40.7 42.3	54 45.4
Memberitahu	30 52.6 44.8	27 47.4 51.9	54 47.9
Membujuk	3 60.0 4.5	2 40.0 3.8	5 4.2
Mendidik	2 66.7 3.0	1 33.3 1.9	3 2.5
Jumlah Deret	67 56.3	52 43.7	119 100.0

$$X^2 = 0.6628, dk = 3$$

Apakah jenis pekerjaan golongan remaja yang sering disiarkan oleh akhbar mingguan? Dalam menganalisis persoalan ini, pengkaji dengan sengaja meninggalkan 23 sampel tulisan. Penolakan ini disebabkan tulisan ini tidak menyatakan dengan jelas pekerjaan remaja itu. Ujian statistik khi-kuasa dua telah digunakan untuk menganalisis pemboleh ubah pekerjaan remaja dengan pemboleh ubah akhbar mingguan. Dapatan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan dari segi pemilihan pekerjaan remaja yang disiarkan oleh kedua-dua akhbar mingguan ini. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar mingguan ini mementingkan remaja yang bekerja sebagai pelakon filem untuk dijadikan bahan untuk memaparkan kisah-kisah dalam akhbar. Pelajar merupakan pekerjaan kedua terbanyak di kalangan remaja yang dipilih sebagai sumber berita. Lihat jadual 6. Penekanan kepada pelakon filem dan pelajar

sememangnya dijangkakan memandangkan bahan yang disiarkan lebih bercorak bacaan ringan.

Bilangan %Deret %Lajur	Bacaria	Warta Perdana	Jumlah Lajur
Pelakonfilem	34 50.7 63.0	33 49.3 78.6	67 69.8
Pelajar	16 72.7 29.6	6 27.3 14.3	22 22.9
Ahlisukan	2 50.0 3.7	2 50.0 4.8	4 4.2
Model	2 100.0 3.7	0 0.0 0.0	2 2.1
Penganggur	0 0.0 0.0	1 100.0 2.4	1 1.0
Jumlah Deret	54 56.3	42 43.8	96 100.0

JADUAL 6  
Tabulasi silang  
jenis pekerjaan  
golongan  
remaja dengan  
akhbar  
mingguan

$$X^2 = 6.1565, dk = 4$$

### Rumusan dan perbincangan

Daripada lima persoalan kajian yang diteliti, dapatan yang didapati menunjukkan tidak wujud stereotaip dalam liputan golongan remaja yang telah tersiar dalam kedua-dua akhbar mingguan itu sepanjang tahun 1993. Dengan kata lain, media yang dikaji membuat liputan berdasarkan dan mencerminkan realiti apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat. Namun realiti yang dipamerkan ini biasanya dipengaruhi dari sudut pandangan pihak yang memerhatikannya. Realiti itu

sememangnya dijangkakan memandangkan bahan yang disiarkan lebih bercorak bacaan ringan.

Bilangan %Deret %Lajur	Bacaria	Warta Perdana	Jumlah Lajur
Pelakonfilem	34 50.7 63.0	33 49.3 78.6	67 69.8
Pelajar	16 72.7 29.6	6 27.3 14.3	22 22.9
Ahliisukan	2 50.0 3.7	2 50.0 4.8	4 4.2
Model	2 100.0 3.7	0 0.0 0.0	2 2.1
Penganggur	0 0.0 0.0	1 100.0 2.4	1 1.0
Jumlah Deret	54 56.3	42 43.8	96 100.0

JADUAL 6  
Tabulasi silang  
jenis pekerjaan  
golongan  
remaja dengan  
akhbar  
mingguan

$$X^2 = 6.1565, dk = 4$$

### **Rumusan dan perbincangan**

Daripada lima persoalan kajian yang diteliti, dapatan yang didapati menunjukkan tidak wujud stereotaip dalam liputan golongan remaja yang telah tersiar dalam kedua-dua akhbar mingguan itu sepanjang tahun 1993. Dengan kata lain, media yang dikaji membuat liputan berdasarkan dan mencerminkan realiti apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat. Namun realiti yang dipamerkan ini biasanya dipengaruhi dari sudut pandangan pihak yang memerhatikannya. Realiti itu

dalam kajian terhadap liputan media massa terhadap remaja ini boleh dilihat dari sudut pandangan remaja, atau pengusaha penerbitan. Kajian ini memperlihatkan kedua-dua bentuk realiti tersebut. Realiti dari sudut pandangan remaja menonjolkan apa yang dilakukan oleh golongan itu dalam menjalani kehidupan sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat. Mereka terlibat dalam semua bentuk aktiviti sama ada berbentuk positif seperti aktiviti sosial mahupun berbentuk negatif seperti kejadian jenayah.

Sudut pandangan kedua adalah daripada perspektif pengusaha penerbitan. Kajian ini menunjukkan bahawa penerbitan sebagai suatu kegiatan komersil tidak dapat mengelakkan diri daripada memastikan bahan-bahan yang disajikan bukan saja menarik tetapi mampu melariskan jualan terbitan masing-masing. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti liputan media massa tentang remaja tidak berdasarkan realiti. Apa yang dimaksudkan ialah media massa mengusahakan dan mencari bahan-bahan sesuai supaya memenuhi kehendak khalayak sasarannya. Ada kalanya ia menghampiri batas-batas stereotaip.

Dalam memenuhi keperluan dan cita rasa khalayak sasaran ini, media massa yang dikaji seolah-olah mengenyahkan realiti daripada satu lagi sudut pandangan: negara. Sebagai sebuah negara sedang membangun yang bergerak dengan pantas selaras dengan perubahan dunia, negara memerlukan golongan remajanya bukan saja bersedia menghadapi cabaran tetapi dilengkapi dengan segala ilmu dan maklumat perlu agar mereka dapat menjadi tulang belakang yang sentiasa bersedia mengambil alih pucuk kepimpinan negara ini dan membawa negara ke suatu tahap yang lebih gemilang.

Media massa, termasuk akhbar mingguan dapat memainkan peranan penting dalam hal ini. Walaupun tidak dapat dinafikan kepentingan keperluan komersil di kalangan pengusaha media massa tetapi ini tidak bererti mereka harus menjadi aspek komersil sebagai prioriti tunggal. Dalam memenuhi tanggungjawab sosial, mereka masih boleh memenuhi tuntutan komersil agar penerbitan itu boleh terus hidup dan berkembang. Bagaimanakah ini (tanggungjawab sosial) dapat dilakukan? Malah soalan yang lebih penting adalah bagaimanakah fungsi ini dapat dilaksanakan dengan berkesan supaya khalayak remaja tidak merasakan diri mereka

dimomokkan dengan maklumat stereotaip sehingga mereka menyisih dan mengenenepikan penerbitan itu? Remaja seperti khalayak sasaran lain tidak mahu diri mereka diajar tetapi mereka mahu belajar dengan sendirinya. Ertinya, tiada unsur paksaan. Kalau dipaksakan golongan remaja mungkin menolak, lantas maklumat yang disusun tidak dibaca.

Alternatif kepada bentuk paksaan ialah bentuk serasian. Ertinya, media massa harus mencari bahan-bahan yang serasi dengan cita rasa dan keperluan khalayak remaja. Semua bahan tulisan berpunca daripada sumber tertentu. Media massa harus memilih sumber-sumber sesuai untuk dijadikan bahan tulisan. Daripada cerita sumber itu, maklumat-maklumat berbentuk pendidikan dapat disalurkan secara tidak langsung kepada pembaca, khususnya remaja. Kajian ini menunjukkan ahli perniagaan tidak banyak dijadikan sumber tulisan. Kebanyakan sumber tulisan dalam majalah lebih condong pada kelompok pelajar dan penghibur.

Tidak ada salahnya kelompok penghibur digunakan sebagai sumber tulisan tetapi ia harus digunakan sebagai suatu "advantage" kepada media massa dalam mendidik golongan pembacanya. Sebagai contohnya, tulisan tentang artis tidak harus sekadar menekankan aspek kehidupan dan gelagat artis yang penuh "glamour" saja. Semua ini berupa liputan sekadar di permukaan saja. Media harus mencungkil lebih dalam lagi seperti menceritakan perit-getir seseorang penghibur itu sebelum dia mencapai kegemilangan itu. Cerita-cerita tentang kepayahan dan keperitan artis dalam membentuk kerjaya mereka dapat memberikan mesej-mesej tersirat dan penuh dengan contoh teladan kepada pembaca bahawa dunia hiburan tidak semuanya seindah apa yang dilihat saja. Cerita-cerita tentang artis berkahwin dengan orang besar tidak mempunyai nilai pendidikan. Cerita tentang artis menceburi bidang perniagaan sebagai persiapan untuk menghadapi sebarang kemungkinan sewajarnya ditonjolkan. Malah banyak artis di negara ini menceburi bidang perniagaan tetapi cerita ini begitu kurang sekali. Yang banyaknya bahan-bahan sensasi sesuai untuk bacaan ringan.

Dengan kata lain, pemilihan sumber harus menjadi fokus utama media massa. Jenis sumber yang digunakan akan mempengaruhi bentuk akhir sesuatu tulisan itu. Sumber yang lemah akan menghasilkan tulisan yang lemah juga. Sumber yang "glamour" saja akan menghasilkan tulisan yang sensasi



saja dan begitu kurang nilai pendidikan atau maklumatnya. Akhbar harian nampaknya lebih peka dalam hal ini, mereka banyak menceritakan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh atlit muda dalam pelbagai kejohanan sukan. Secara tersirat, akhbar harian mengemukakan contoh baik yang dapat diteladani oleh golongan remaja.

### Syor Kajian Masa Depan

Pengkaji masa depan mungkin dapat meneliti persoalan ini dengan membandingkan kandungan tentang remaja dengan kandungan lain dalam akhbar berkenaan. Dengan cara ini, kita dapat mengetahui peratusan sebenar yang diperuntukkan untuk remaja dan peratusan untuk kelompok pembaca lain. Ini disebabkan sesetengah akhbar mingguan mempunyai khalayak yang bersifat heterogen. Dalam konteks ini, mereka harus mengimbangi bahan untuk memenuhi keperluan pelbagai golongan ini.

---

#### Penulis

*Mus Chairil Samani* ialah pensyarah di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. [chairil@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:chairil@pkrisc.cc.ukm.my)

*Samsudin A. Rahim* ialah Profesor Madya di Jabatan Komunikasi, dan Timbalan Dekan, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. [samar@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:samar@pkrisc.cc.ukm.my)

---

#### Catatan

Kajian ini dibiayai dengan peruntukan kewangan dari Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Penulis ingin merakamkan terima kasih kepada Harlina Mohd Salleh dan Ismail Sualman yang bertindak sebagai pembantu penyelidik bagi mengumpulkan data untuk membolehkan kajian ini disempurnakan.

---

#### Rujukan

Berelson, Bernard (1952). *Content analysis in communication research*. Glencoe, Illinois: The Free Press Publishers.

Blackwood, Roy E. (1983). The content of news photos: Roles portrayed by men and women. *Journalism Quarterly*. 60: 710-714.

Flesch, Rudolf (1963). *How to write, speak and think more effectively*. New York: Signet Books.

Gouran, Dennis S., Wiethoff, William E., and Doelger, Joel A. (1994). *Mastering communications*. Boston: Allyn and Bacon.

- Holsti, Ole R. (1969). *Content analysis for the social sciences and humanities*. Reading, Massachusetts: Adison-Wesley Publishing Co.
- Lasswell, Harold D., Daniel Lerner dan Ithiel de Sola Pool. (1952). *The composite study of symbols*. Stanford: Stanford University Press.
- Levy, M.R. dan Windahl, S. (1984). Audience activity and gratifications. *Communication Quarterly*. 35: 267-275.
- Levy, M.R. dan Windahl, S. (1985). The concept of audience activity. Dalam K.E. Rosengren, L.A. Wenner, dan P. Palmgreen (eds.) *Media gratifications*. Beverly Hills, California: Sage Publications. hal 109-122.
- McCombs, Maxwell E. (1967). Editorial endorsements: A study of influence. *Journalism Quarterly*. 44: 545-548.
- McCombs, Maxwell E. dan Shaw, Donald L (1977). "The agenda-setting function of the press." Dalam Donald L. Shaw et al. (ed) *The emergence of American political issues: The agend setting function of the press*. St.Paul: West Publishing Co. hal. 1-17.
- McDaniel, Drew (1986). Development news in two Asian nations. *Journalism Quarterly*. 63: 167-170.
- Merrill, John C. (1965). How Time stereotyped three US Presidents. *Journalism Quarterly*. 42: 563-570.
- Miller, Susan (1975). "The content of news photos: Women's and men's role." *Journalism Quarterly*. 42: 70-75.
- Miller, Susan H. dan Drew, Dan G. (1977). Sex stereotyping and reporting. *Journalism Quarterly*. 55: 142-146.
- Mohd Dhari Othman (1995). Citra wanita dalam media cetak. Kertas kerja di Simposium Penyelidikan Komunikasi ke-4, 5-6 September. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mus Chairil Samani (1992). Sumber berita: Kajian analisis isi kandungan empat akhbar harian nasional di Malaysia. Laporan penyelidikan yang dikemukakan kepada Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.
- Mus Chairil Samani (1995). Bahan Kuliah Asas Pemberitaan dan Penyuntingan. Manuskrip yang belum diterbitkan.
- Mus Chairil Samani dan Samsudin A. Rahim (1994). Portrayal remaja dalam media cetak tempatan: Kajian analisis isi kandungan. Laporan awal yang tidak diterbitkan.
- Mus Chairil Samani dan Samsudin (1995). Remaja dalam akhbar harian: Portrayal pelakornya. Kertas kerja yang dibentangkan di Simposium Penyelidikan Komunikasi ke-4, 5-6 September. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Samsudin A. Rahim (1994). Kajian budaya lepak di kalangan remaja. Laporan penyelidikan untuk Kementerian Belia dan Sukan.
- Schramm, Wilbur (1949). The nature of news. *Journalism Quarterly*. 26: 259-269.
- Seiler, William J. (1996). *Communication: Foundations, skills, and applications*. New York: HarperCollins College Publishers.

- Shaw, Donald L dan Clemmer, Cynthia L. (1977). "News and the public response." Dalam Donald L. Shaw et al. (eds.) *The emergence of American political issues: The agenda setting function of the press*. St.Paul: West Publishing Co. hal.33-51.
- Stempel, Guido H., III (1989). "Content analysis." Dalam Guido H. Stempel III dan Bruce H. Westley (ed.) *Research methods in mass communications*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall Inc. hal 124-136.
- Tuchman, Gaye (1973). "Making news by doing work: Routinizing the unexpected." *American Journal of Sociology*. 79: 110-131.
- Westley, Bruce H. dan Barrow, Lee (1959). An investigation of news seeking behavior." *Journalism Quarterly*. 36: 431-438.
- Whitney D. Charles dan Becker, Lee B. (1982). "'Keeping the gates' for gatekeepers: The effects of wire news." *Journalism Quarterly*. 59: 60-65.
- Yagade, Aileen dan Dozier, David M. (1990). The media agend-setting effect of concrete versus abstract issues. *Journalism Quarterly*. 67: 3-10.